

Panel khas: Parlimen kata OK
The Malaysian Insider
03 Oktober , 2011
Oleh Shannon Teoh

KUALA LUMPUR, 3 Okt — Parlimen bersetuju untuk mengadakan sebuah jawatankuasa pilihan khas bagi mengkaji pembaharuan pilihan raya meskipun kerajaan enggan memberi jaminan bahawa pilihan raya umum ke-13 tidak akan diadakan sehingga syor-syor panel itu dapat dilaksanakan.

Ahli-ahli pembangkang menggesa agar Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak memberi jaminan bahawa Parlimen tidak akan dibubarkan sehingga jawatankuasa itu menyelesaikan tanggungjawabnya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz (gambar) berkata soal pembubaran Parlimen adalah prerogatif Perdana Menteri.

“Kami tidak boleh memberi jaminan bahawa pilihan raya tidak akan diadakan ketika jawatankuasa pilihan khas sedang bermesyuarat. Ia prerogatif Perdana Menteri dan konvensyen. Bukan sesuatu yang baru,” katanya lagi.

Penasihat DAP Lim Kit Siang berkata rakyat berhak untuk mempersoalkan keikhlasan Perdana Menteri yang secara tiba-tiba mahu mengadakan pembaharuan sistem pilihan raya.

“Ini disebabkan penganiayaan kerajaan dan sikap tidak demokratik menguruskan perhimpunan Bersih (pada Julai lalu),” kata Lim yang juga Ahli Parlimen Ipoh Timur.

Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang menggesa agar daftar pemilih bebas daripada pengundi hantu dengan segera.

Bagaimanapun Nazri berkata jawatankuasa pilihan khas dibentuk untuk mengesyorkan penambahbaikan sistem pilihan raya dan tidak perlu untuk menetapkan tarikh bagi panel tersebut menyiapkan kerjanya.

“Jika tidak boleh laksanakan sebelum pilihan raya umum ke-13, ia bukan bermakna dunia sudah berakhir. Jika tidak boleh dilaksanakan sebelum pilihan raya umum ke-13, ada pilihan raya umum ke-14, ke-15... malah pilihan raya umum ke-8 untuk dilaksanakan,” katanya lagi.

Jawatankuasa pilihan khas mempunyai sembilan anggota.

Hari ini, Pakatan Rakyat mengumumkan tiga wakil mereka iaitu Timbalan Presiden PKR Azmin Ali, Pengarah Pilihan Raya PAS Dr Hatta Ramli dan Ketua Pemuda DAP Anthony Loke.

Pada 22 September lalu, Barisan Nasional mengumumkan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Maximus Ongkili akan mengetuai jawatankuasa pilihan khas itu.

Selain beliau, BN menamakan Datuk Alexander Linggi, Datuk Seri Mohd Radzi Sheik Ahmad, Tan Sri Dr. Fong Chan Onn dan P Kamalanathan sebagai wakil perikatan itu.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/panel-khas-parlimen-kata-ok/>